

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL

Bekas pengawal keselamatan dapat ganti rugi RM1.8j



Thinnagaran alami kecederaan otak akibat kecuai perubatan ketika dapatkan rawatan

Oleh Rahmat Khairulrijal
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seorang bekas pengawal keselamatan menerima ganti rugi RM1.8 juta kerana mengalami kecederaan otak akibat kecuai perubatan ketika mendapatkan rawatan selepas terbabit kemalangan motosikal, lapan tahun lalu.

P Thinnagaran, 28, memfailkan saman itu di Mahkamah Tinggi Taiping dengan menamakan kerajaan, Pengarah Hospital

Taiping serta tiga doktor, iaitu Dr Mohamad Hazwan Zulkifli, Dr Mohan Raj Sundram dan Dr Norsaliza Ikma Mohd Yusof, sebagai defendan.

Hakim Noor Ruwena Md Nurdin dalam penghakimannya berkata, mahkamah membenarkan kebanyakan tuntutan Thinnagaran terhadap defendan berikutan plaintif berjaya membuktikan kesnya berdasarkan imbalan kebarangkalian.

Thinnagaran mengalami kecederaan apabila motosikal yang ditunggangnya terbabit kemalangan dengan sebuah kereta di Jalan Transkrian pada jam 1.05 tengah hari pada 2 Januari 2016.

Susulan itu, beliau dibawa ke Hospital Taiping di mana langkah sudah diambil untuk mencegah Fat Embolism Syndrome (FES) yang disebabkan beberapa tulangnya patah akibat kemalangan berkenaan.

Kedua-dua plaintif didakwa tidak dipantau antara jam 2 dan 6.50 pagi (3 Januari), walaupun berdepan risiko tinggi mengalami FES, sebelum disahkan megalaminya pada jam 7 pagi.

Doktor mengambil keputusan untuk menstabilkan keadaan Thinnagaran sebelum meneruskan pembedahan pada jam 8 malam pada hari sama.

Bagaimanapun, hasil imbasan pengimejan resonans magnetik (MRI) mendapati Thinnagaran sudah mengalami kecederaan otak akibat kekurangan oksigen dan aliran darah.

Kecederaan kekal pada otak

"Otak plaintif mengalami kekurangan oksigen yang teruk selama lebih 12 jam sementara defendan menunggu untuk menstabilkannya.

"Keputusan itu malangnya menyebabkan kecederaan kekal pada otak plaintif, justeru plain-

tif berkeadaan separa paraplegia kini.

"Pemantauan yang tidak mencukupi oleh defendan secara kolektif, serta kegagalan menjalankan pembedahan ke atas plaintif dalam tempoh 24 jam kemalangan itu memburukkan FES dan menyebabkan plaintif berada dalam keadaannya sekarang.

"Daripada keseluruhan bukti dan keterangan di hadapan saya, jelas bahawa jururawat tidak memantau plaintif dengan secukupnya serta tidak mengenal pasti FES walaupun ia berlaku di depan mata mereka," katanya dalam alasan penghakiman beliau yang dimuat naik dalam laman sesawang Jabatan Kehakiman, baru-baru ini.

Noor Ruwena berkata, Dr Mohan, Dr Mohamad Hazwan serta Dr Norsaliza gagal di pihak masing-masing dalam rawatan dan diagnosis plaintif untuk FES, dan juga seterusnya dalam intubasi

yang diperlukan untuk menyelamatkan nyawanya.

Beliau berkata, plaintif dapat membuktikan kaitan penyebab antara kecederaan kekal dialami dengan perbuatan atau ketiadaan tindakan defendan ketika Thinnagaran berada bawah jagaan mereka di Hospital Taiping.

"Kecederaan dialami plaintif akibat pelanggaran kolektif defendan terhadap tanggungjawab penjagaan, turut meliputi trauma mental. Kesihatan mentalnya terjejas dalam erti kata ada kecacatan kognitif.

"Plaintif tertekan dan bukan lagi dirinya yang biasa selepas keseluruhan episod itu, serta terpaksa bergantung pada orang lain untuk keperluan peribadinya," katanya.

Defendan memfailkan notis rayuan terhadap keseluruhan keputusan berkenaan pada 2 Ogos lalu.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 19
RUANGAN : LOKAL

GANGGU PESAKIT Dr GS digugur

Oleh Saadiah Ismail
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Majlis Perubatan Malaysia (MMC) menggugurkan seorang pakar psikiatri daripada senarai pendaftarannya berikutan penggantungan setahun selepas didapati bersalah mengganggu pesakitnya. Menurut keputusan Lembaga Tatatertib MMC pada 19 November yang dipengerusikan oleh Profesor Emerita Dr Nor Hayati Othman, lembaga tatatertib mencadangkan penggantungan setahun terhadap Dr GS selepas mendapati dia bersalah atas pelanggaran etika profesional yang serius.

Keputusan dibuat susulan aduan dikemukakan li-

ma tahun lalu pesakit wanita dikenali H, yang kini berusia 30 tahun.

Lembaga tatatertib mendapati responden menghantar mesej teks lucah pada Jun 2019 kepada H, yang ketika itu dalam keadaan emosi dan mental rentan, sekali gus bertentangan dengan Seksyen 2.2.4 Kod Etika Profesional MMC yang melarang hubungan peribadi.

"Tidak wajar responden sebagai pengamal perubatan menyalinkan hubungan seksual atau emosi dengan pesakit, lebih-lebih lagi pesakit sedang menjalani rawatan," menurut keputusan itu.

Dr GS, ketika itu berkhidmat di hospital swasta di Selangor mendiagnosis H, seorang mangsa rogol dengan gangguan tekanan pasca trauma (PTSD).

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 21
RUANGAN : LOKAL



MUHAMMAD Syarifuddin menunjukkan laporan polis dan gambar keadaan bayi perempuannya yang didakwa terjatuh dari katil bayi.

'Diserang sawan...'

Bapa dakwa kecuaihan kakitangan hospital punca bayi terjatuh katil

Oleh Baharom Bakar
am@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

Pasangan suami isteri kecewa apabila bayi perempuannya mereka mengalami sawan akibat terjatuh daripada katil bayi di perkarangan Pusat Rawatan Ibu dan Anak (PRIBA), Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) pertengahan bulan lalu.

Bapa bayi terbabit, Muhammad Syarifuddin Manan, 24, mendakwa bayi perempuannya terjatuh daripada katil bayi ketika proses pemindahan ke Hospital Hulu Terengganu (HHT) pertengahan bulan lalu.

Menurutnya, bayinya kini yang berusia 41 hari menghidap kuning sebelum dipindahkan untuk rawatan.

Katanya, katil yang memuatkan bayinya yang berusia dua hari itu ditinggalkan tanpa pengawasan di kawasan jalan cerun menurun di luaran PRIBA dan Unit Kecemasan HSNZ oleh seorang jururawat.

"Katil bayi itu secara tiba-tiba hilang keseimbangan dan terus menggelongsor dan terbalik menyebabkan bayi kami terjatuh ke atas jalan," katanya ketika ditemui di perkarangan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala

Terengganu di sini, semalam.

Terdahulu, Muhammad Syarifuddin bersama pasangannya, Mohd Hazwan Hamidin membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Terengganu.

Muhammad Syarifuddin dan pasangannya, Wan Nur Farisyatu Ikmal Wan Fadali, 22, yang juga guru berkahwin pada tahun 2022 dan bersalin di PRIBA HSNZ pada 15 November lalu.

Mengulas lanjut, Muhammad Syarifuddin berkata, kepala bayi perempuannya terhantuk pada permukaan jalan di perkarangan PRIBA.

Berikutan kejadian itu, katanya, anak sulungnya mengalami pendarahan di kepala dan sering mengalami sawan.

"Bayinya dimasukkan ke HSNZ sebanyak tiga kali iaitu pada 17 November sehingga 4 Disember lalu.

"Kami juga sudah membuat laporan polis kali pertama pada 17 November lalu dan kali kedua pada hari ini," katanya.

Ketika ditanya tindakan daripada HSNZ, Muhammad Syarifuddin berkata, pengurusan hospital mengesahkan bayi itu terjatuh, tetapi menafikan kecuaihan jururawat dan mendakwa kemalangan itu berlaku disebabkan keadaan jalan yang tidak rata.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 23
RUANGAN : LOKAL

Bekas jaga dapat pampasan RM1.8 juta

Kuala Lumpur: Bekas pengawal keselamatan menerima ganti rugi RM1.8 juta susulan mengalami kecederaan otak akibat kecuaian perubatan semasa mendapatkan rawatan selepas terbabit dalam kemalangan motosikal lapan tahun lalu.

P Thinnagaran, 28, memfailkan saman itu di Mahkamah Tinggi Taiping dengan menamakan kerajaan, Pengarah Hospital Taiping, dan tiga doktor perubatan, Dr Mohamad Hazwan Zulkifli, Dr Mohan Raj Sundram, dan Dr Norsaliza Ikma Mohd Yusof sebagai defendan.

Hakim Noor Ruwena Md Nurdin dalam keputusannya berkata, mahkamah membenarkan kebanyakan tuntutan plaintif terhadap defendan selepas Thinnagaran berjaya membuktikan kesnya berdasarkan imbalan kebarangkalian.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA

Perbaharui lesen perlu ada sijil halal di Kelantan



MOHD. ASRI (dua dari kiri) bersama Pengarah Syarikat Nasken Coffee Manufacturing Sdn. Bhd., Fatimatul Hazwani Che Hashim (kiri) menunjukkan sijil SPHM yang diperolehi syarikat itu di Pasir Hor, Kota Bharu semalam. — ROSLIZA MOHAMED

KOTA BHARU – Kerajaan Kelantan menetapkan syarat kepada pengusaha premis makanan dan minuman di negeri itu untuk memiliki Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) sebelum memperbaharui lesen perniagaan dengan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta Kelantan, Mohd. Asri Mat Daud berkata, pada peringkat awal, syarat wajib itu dimulakan oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam (MPKB-BRI).

"Insya-Allah, PBT lain akan turut sama mempraktikkan perkara itu dalam masa terdekat," katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Penyerahan Sijil Halal Nasken International Sdn. Bhd. di Kota Seribong, Pasir Hor di sini semalam.

Dalam perkembangan lain,

Mohd. Asri memberitahu, sebanyak 453 SPHM telah dikeluarkan kepada premis perniagaan di Kelantan sejak Januari lalu.

Menurutnya, sijil itu diberikan kepada hotel, restoran, kedai makan, farmasi, kedai dandanan rambut dan lain-lain.

Tambahnya, 405 premis daripada jumlah keseluruhan merupakan pengusaha orang Melayu manakala sebanyak 48 buah lagi perniagaan milik individu bukan Islam.

"Lapan perkara spesifik perlu ada untuk memohon SPHM. Ia bukan sahaja melibatkan makanan dan minuman, tetapi meliputi bahagian dapur, penggunaan bahan atau produk perlu halal.

"Kita melakukan pemeriksaan di premis tersebut dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (Jaheailk),

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Kementerian Kesihatan (KKM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan PBT," ujarnya.

Mohd. Asri berkata, pada masa sama, pemeriksaan mengikut dilakukan dalam tempoh setahun bagi memastikan pengusaha premis mematuhi peraturan dan undang-undang.

Katanya, berdasarkan data, pemilik premis di Kota Bharu paling ramai mendapat sijil tersebut iaitu hampir 190 buah premis perniagaan, manakala enam hingga tujuh buah premis masing-masing di daerah lain.

"Kerajaan negeri menggalakkan individu yang mengusahakan perniagaan atau industri secara kecil-kecilan di rumah boleh berdaftar untuk mendapat SPHM," ujarnya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NEGARA



CHIN KEAT CHYUAN

Kepentingan inovasi, AI dalam sektor kesihatan negara

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

KPJ Healthcare Berhad komited untuk memastikan penggunaan inovasi dan digital termasuk teknologi kecerdasan buatan (AI) terhadap sektor penjagaan kesihatan negara sebagai langkah memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

Selari matlamat tersebut, Persidangan Kesihatan Antarabangsa Malaysia (MIH) Megatrends 2024 berlangsung dari 25 hingga 27 Oktober baru-baru ini telah memberikan satu platform untuk pelbagai pihak melibatkan diri dan berbincang tentang topik-topik kritikal penjagaan kesihatan, termasuk teknologi AI.

Presiden dan Pengarah Urusan KPJ Healthcare, Chin Keat Chyuan berkata, penjagaan kesihatan kini tidak hanya melibatkan rawatan am semata-mata tetapi ia meliputi semua perkara termasuk inovasi dan penggunaan teknologi.

"Saya berpendapat apa yang penting tentang inovasi adalah ia akan menjadi masa depan. Kita tidak lagi bercakap tentang rawatan am, kita bercakap tentang pencegahan, ramalan, ketepatan

perubatan dan sebagainya.

"Perubatan tidak boleh lagi secara umum dan saya fikir dengan teknologi, terutama data raya (big data) serta bagaimana kita akan 'melombong' data tersebut menggunakan kuasa AI. Ini kerana AI membantu kita memperkemas dan mencapai apa yang kita perlukan," katanya pada hari terakhir pengajuran MIH Megatrends 2024 di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Beliau berkata, penggunaan teknologi termasuk AI dan inovasi berpotensi membantu pakar dan pengamal perubatan dalam sektor kesihatan bagi memberikan rawatan yang lebih bersasar kepada pesakit serta penyakit yang dilaporkan sebelum ini.

"Kita menghadapi kesukaran dalam mengenal pasti penyelesaian terbaik untuk jangka masa panjang. Saya fikir sekarang ini kita secara perlahan-lahan dapat melakukannya dan di sinilah KPJ berada.

"Apabila kita memperkenalkan sistem kesihatan KPJ, ia berkisar mengenai penyepaduan, tidak hanya perkhidmatan klinikal semata-mata, tetapi kita bercakap

mengenai pendidikan.

"Jadi dengan adanya KPJ Healthcare University, kami bersama-sama melaksanakan penyelidikan terhadap penemuan sains baharu yang mana lebih banyak pelaburan turut dilaksanakan," jelasnya.

Tambah Keat Chyuan, elemen tersebut apabila digabungkan dengan teknologi serta data raya AI menjadikan KPJ Healthcare ke arah masa hadapan dari segi perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lebih baik, ditambah kos lebih efektif serta rawatan diperibadikan kepada pesakit.

MIH Megatrends 2024 dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan dengan kerjasama KPJ Healthcare dan sokongan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

Acara itu menghimpunkan lebih 1,500 pemain industri kesihatan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur dengan pelbagai pameran kemajuan dan trend terkini yang membentuk masa depan penjagaan kesihatan.

Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim turut berkenan menyempurnakan majlis perasmian MIH Megatrends 2024 serta dihadiri oleh Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad dan Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil.

Dalam pada itu, Keat Chyuan berkata, lebih 5,000 pengunjung menghadiri acara tersebut, sekali gus melebihi jangkaan, manakala kira-kira dua juta pengunjung melayari laman web rasmi MIH Megatrends 2024.

"Maklum balas diterima menunjukkan minat mereka terhadap penjagaan kesihatan.

"Ini adalah pertama kali MIH Megatrends diadakan. Kita sebenarnya telah tonjolkan kepada perspektif global bahawa kita bersedia dari segi penjagaan kesihatan.

"Peningkatan minat itu dipacu oleh faktor Malaysia yang dijangka menjadi negara tua. Malah, KKM sering memberi kesedaran mengenai penyakit tidak berjangkit, kanser, diabetes dan ini merupakan isu utama membebankan masyarakat," tambah beliau.

Sehubungan itu, katanya, isu kesihatan memerlukan peranan daripada semua pihak termasuk masyarakat, sekali gus tidak hanya bergantung kepada pengamal perubatan, doktor serta hospital semata-mata.

"Kita sering bergantung harap kepada doktor atau hospital, sedangkan seluruh komuniti bertanggungjawab. Dengan adanya MIH Megatrends 2024, untuk pertama kali KKM dengan KPJ serta pelbagai lagi rakan kongsi swasta bersama-sama memberikan yang terbaik untuk sektor kesihatan," katanya.

Keat Chyuan menjelaskan, selari dengan Malaysia yang akan menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak ASEAN 2025, beliau turut menyasarkan pengajuran MIH Megatrends pada tahun depan dengan lebih ramal penglibatan pelbagai pihak berkaitan.

"Kita akan meningkatkannya ke tahap baharu, sebagai contoh lebih 100 pempamer terlibat, menjadikannya acara lebih besar. Ia tidak hanya tertumpu kepada

peralatan perubatan, farmaseutikal, kumpulan profesional dalam kalangan doktor dan ahli farmasi.

"Keseluruhan pemegang taruh dalam ekosistem kesihatan bersama-sama dalam acara tersebut. Sepanjang tiga hari ini, kita dapat lihat jemputan panel terbaik iaitu 30 individu tempatan dan lebih 20 orang dari luar negara membincangkan pelbagai topik," katanya.

Mengulas lanjut, beliau maulumkan, pengajuran MIH Megatrends merupakan persidangan penjagaan kesihatan yang menampilkan Malaysia kepada platform global.

"Saya berpendapat, inilah sebenarnya sasaran untuk KKM bersama KPJ yang mana kita mewujudkan banyak peluang. Dengan pengajuran MIH Megatrends, kita melibatkan semua pihak untuk menjadikannya inklusif.

"Adalah suatu kebanggaan kepada negara dalam menjadikan MIH Megatrends sebagai satu acara di bawah jenama penjagaan kesihatan Malaysia," ujarnya.

MIH Megatrends 2024 menonjolkan perkembangan penting dalam bidang utama seperti AI, perubatan ketepatan dan penjagaan kesihatan berasaskan nilai.

Ia turut menawarkan pengalaman menarik kepada pengunjung, antaranya penampilan istimewa pempengaruh kesihatan di ruangan Action Hub, demonstrasi produk terkini dan pendedahan tentang trend penjagaan kesihatan digital seperti teknologi AI dan teleperubatan.

Aktiviti awam termasuk pemeriksaan kesihatan, derma darah, perundingan kesihatan holistik seperti urutan dan akupunktur serta aktiviti menyeronokkan di ruang zon kanak-kanak selain program interaktif MIH Megatrends Live+ iaitu temu bual eksklusif dan pandangan tentang inovasi perubatan terkini.

Kita akan meningkatkannya ke tahap baharu, sebagai contoh lebih 100 pempamer terlibat, menjadikannya acara lebih besar. Ia tidak hanya tertumpu kepada



CHIN KEAT CHYUAN mencuba salah satu teknologi terkini untuk rawatan pada pameran bersempena MIH Megatrends.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL

Bapa dakwa kakitangan hospital cuai punca bayi terjatuh katil

KUALA TERENGGANU - Seorang peniaga membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Terengganu di sini pada Khamis, mendakwa kecuaian kakitangan hospital menyebabkan bayi perempuannya terjatuh katil sehingga kerap diserang sawan.

Muhammad Syarifuddin Manan, 24, berkata, ketika kejadian pada 17 November lalu itu, anak sulungnya itu baru berusia dua hari.

Menurutnya, ketika kejadian, bayinya yang disahkan menghidap jaundis dibawa oleh jururawat ke kenderaan untuk dipindahkan ke hospital lain.

"Ketika proses itu, bayi saya terjatuh dari katil bayi, menyebabkan kepalanya terhentak atas jalan. Dia cedera di bahagian kepala dan terpaksa dimasukkan ke hospital beberapa kali kerana diserang sawan," katanya selepas membuat laporan polis di sini pada Khamis.

Muhammad Syarifuddin berkata,

bayinya yang seberat 3.3 kilogram (kg) dilahirkan normal dan sihat sebelum ditimpa insiden itu.

Bagaimanapun katanya, dia bimbang tahap kesihatan bayinya itu merosot akibat insiden itu, sekali gus mengganggu pembesarannya.

"Saya membuat laporan polis kerana kesal dengan kejadian ini, malah pihak hospital juga seolah-olah 'memandang sepi' kes ini," katanya.

Sementara itu, peguamnya, Mohd Hazwan Hamidun berkata, pihaknya berharap mendapat penjelasan dari hospital berkenaan dalam tempoh dua minggu selepas laporan itu dibuat.

Katanya, laporan polis pada Khamis adalah laporan kedua selepas laporan pertama dibuat 17 November lalu.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu, Asisten Komisioner Azil Mohd Noor ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan tersebut.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NASIONAL

Dapat ganti rugi RM1.8 juta akibat kecuai perubatan

Bekas pengawal keselamatan terima pampasan kecederaan otak

KUALA LUMPUR

Mahkamah Tinggi Taiping pada Khamis memberikan ganti rugi RM1.8 juta kepada seorang bekas pengawal keselamatan selepas lelaki itu mengalami kecederaan otak akibat kecuai perubatan semasa rawatan susulan kemalangan motosikal pada 2016.

Hakim Noor Ruwena Md Nurdin membuat keputusan itu selepas mendapati P Thinnagaran, 28, selaku plaintif berjaya membuktikan tuntutan berdasarkan imbalan kebarangkalian dan membenarkan kebanyakannya tuntutan terhadap defendan.

"Mahkamah ini memberikan ganti rugi am, khas dan teruk dan defendan secara kolektif diperintahkan untuk membayar kepada plaintif sejumlah RM1.8 juta termasuk kos RM150,000," katanya dalam penghakimannya yang dikeluarkan pada 24 Disember lalu.

Thinnagaran memfailkan saman itu pada 2019 menamakan kerajaan, pengarah Hospital Taiping dan tiga doktor sebagai defendan atas kecuai perubatan.



Mahkamah Tinggi Taiping memberikan ganti rugi am, khas dan teruk kepada lelaki tersebut akibat kecuai perubatan susulan kemalangan motosikal pada 2016.

Mahkamah & Jenayah

Dalam penghakimannya, Noor Ruwena berkata, kes itu suatu yang tragis kerana ke-rosakan kekal antara lain pada otak plaintif boleh dielakkan jika defendan telah mendiagnosis, merawat dan memantau dirinya dengan lebih teliti apabila lelaki itu dimasukkan ke Hospital Taiping selepas kemalangan motosikal pada 2 Januari 2016.

Beliau juga menyatakan bahawa kecederaan yang dialami di hospital adalah jelas berpunca daripada pelanggaran kewajipan jagaan defendan dan bukan disebabkan oleh sebarang kecuai di pihak plaintif.

Noor Ruwena berkata, mahkamah

mendapati defendan pertama hingga ketiga (doktor) telah gagal di bahagian masing-masing dalam rawatan dan diagnosis plaintif untuk sindrom embolisme lemak (FES) dan seterusnya dalam intubasi yang diperlukan untuk menyelamatkan nyawanya.

"Kecederaan yang dialami oleh plaintif akibat pelanggaran kolektif kewajipan jagaan defendan juga boleh melibatkan trauma mental. Kesihatan mentalnya menderita dalam erti kata terdapat kecacatan kognitif.

"Plaintif tertekan dan bukan dirinya seperti biasa lagi yang mana dia terpaksa bergantung pada orang lain untuk memenuhi keperluan peribadinya," katanya. *Bernama*

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : DALAM NEGERI

KPJ Healthcare cadang terus perkasakan penggunaan teknologi AI

Oleh ZAKKINA WATI
AHMAD TARMIZI
zakkina.tarmizi@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: KPJ Healthcare bercadang untuk terus menerokai bidang Kecerdasan Buatan (AI) dalam tempoh tiga hingga lima tahun ini.

Presiden dan Pengarah Urusannya, Chin Keat Chyuan berkata, teknologi, inovasi dan penjagaan kesihatan dipacu AI ialah kompas bagi membimbing ke arah masa depan yang lebih cerah, celer dan mesra pengguna.

"Saya fikir, dalam tiga hingga lima tahun akan datang, inilah hala tuju yang akan kita ambil, terutama dengan kemajuan dalam bidang AI."

"Data besar sedia ada memberi kelebihan untuk kami menceburi dalam bidang data dan AI, kerana inilah masa depan yang akan memberi nilai tambah kepada pesakit kami," katanya ketika ditemui



PRESIDEN dan Pengarah Urusan KPJ Healthcare, Chin Keat Chyuan (kanan) mencuba Holomedicine sambil diperhatikan Ketua Pegawai Strategi, Michael Leddin pada MIH Megatrends 2024 Healthcare: The Next Frontier di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. - UTUSAN/ SADDAM YUSOFF

pemberita dalam Persidangan Kesihatan Antarabangsa Malaysia International Healthcare (MIH) Megatrends 2024 di sini.

Menurut beliau, pihak KPJ Healthcare mempunyai robot untuk penggantian lutut total (TKR) dan juga robot yang

digunakan untuk prostataktomi radikal.

Bahkan, jelas beliau, KPJ Healthcare telah melakukan prosedur pintasan arteri jantung minimum invasif tanpa perlu membuka dada dengan cara yang lebih terkawal.

"Teknologi ini sudah tersedia, dan lebih penting lagi, seperti yang anda sebutkan, adalah mengenai kemahiran insaniah. Bagaimana kuncinya adalah kita terus meningkatkan standard penjagaan."

"Inilah yang ingin dicapai oleh KPJ kerana kami berhasrat untuk terus memfokuskan kepada pendidikan dan penyelidikan."

"Lebih-lebih lagi, kami juga turut memiliki Universiti KPJ," katanya.

Dalam pada itu, menurut Chin, melalui acara ini, pihaknya berusaha untuk menggalakkan kerjasama antara penyedia penjagaan kesihatan, organisasi komuniti dan orang awam.

"Kami menekankan pentingnya

penjagaan pencegahan dan kesejahteraan. Acara seperti ini bukan sahaja meningkatkan kesedaran tentang penyakit tidak berjangkit (NCD), tetapi juga memberi kuasa kepada individu untuk menguruskan kesihatan mereka sendiri."

"Terdapat pelbagai aktiviti antaranya ceramah maldumat hingga zon interaktif untuk kanak-kanak yang dirancang melibatkan semua peringkat umur dan menggalakkan pendekatan komuniti terhadap kesihatan."

"Kami mahu semua orang menyedari peranan mereka dalam mempromosikan kesihatan dan kesejahteraan, mencipta kesan berantai yang melangkaui acara ini," katanya.

Chin menambah, matlamat KPJ Healthcare adalah untuk memupuk budaya kesejahteraan yang mengutamakan pencegahan berbanding rawatan, memastikan bahawa penjagaan kesihatan adalah tanggungjawab bersama.

MIH Megatrends 2024 himpun 5,000 pemain industri kesihatan

KUALA LUMPUR: Lebih 5,000 pemain industri kesihatan berkumpul dalam persidangan Malaysia International Healthcare (MIH) Megatrends 2024 yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur selama tiga hari baru-baru ini.

Selain itu, hampir 2 juta penonton turut mengikuti persidangan itu menerusi program MIH Megatrends Live+ yang bersiaran secara langsung dari laman Facebook rasmi KPJ Healthcare Berhad.

Acara itu dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan kerjasama KPJ Healthcare dan mendapat sokongan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

MIH Megatrends 2024 diatur untuk mempamerkan kemajuan dan trend terkini yang membentuk masa depan penjagaan kesihatan.

Sepanjang tiga hari persidangan berlangsung, peserta terlibat termasuk profesional kesihatan, pembuat dasar, pemimpin industri, ahli akademik, pelajar dan anggota masyarakat berkumpul untuk meneroka penyelesaian dan kemajuan terkini dalam sektor kesihatan.

Menurut Ketua Setiausaha



CHIN Keat Chyuan (dua kiri) bersama Ketua Pegawai Kewangan, Izzad Shamsudin (dua kanan), Ketua Pegawai Strategi, Michael Leddin (kiri) dan Ketua Pegawai Digital, Shahril Mizani Ariffin (kanan) pada MIH Megatrends 2024 Healthcare: The Next Frontier di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Kementerian Kesihatan, Datuk Seri Suriani Datuk Ahmad, acara itu menekankan pentingnya kerjasama dalam memajukan penjagaan kesihatan.

"Program ini merupakan pentas untuk siri perbincangan dan pembentangan yang memberi

impak, yang menekankan potensi penyelesaian penjagaan kesihatan yang bersedia untuk masa depan di Malaysia," katanya.

Dalam sesi utama, menampilkan penceramah terkemuka termasuk Ketua Pegawai Operasi Hospital

Vejjhant, Thailand, Dr. Tullawat Pacharapha yang membincangkan transformasi penjagaan kesihatan dan penjagaan pesakit serta Ketua Pegawai Maklumat Perubatan di Pusat Perubatan Samsung, Korea Selatan, Profesor Meong Hi Son.

"Sesi ceramah secara kolektif

menekankan pentingnya inovasi dalam meningkatkan hasil pesakit dan memperkemas penyampaian penjagaan kesihatan," katanya.

Selain perbincangan profesional, MIH Megatrends 2024 menawarkan pengalaman dinamik untuk orang awam.

Dalam pada itu, sempena dengan pengumuman MIH Megatrends, KPJ Healthcare menampilkan 'Action Hub' bagi menarik pengunjung berinteraksi dengan pengaruh kesihatan dan mencuba demonstrasi produk terkini, sementara 'Innovation Health Tech Zone' (Zon inovasi teknologi kesihatan) yang mempamerkan kemajuan digital seperti penjagaan kesihatan berasaskan AI dan teleperubatan.

"Interaksi ini menyoroti manfaat praktikal teknologi untuk masyarakat, menjadikan penjagaan kesihatan terkini lebih mudah diakses."

"Selain itu, terdapat beberapa aktiviti untuk orang awam termasuk pemeriksaan kesihatan, derma darah dan konsultasi kesejahteraan holistik dengan aktiviti mesra keluarga seperti projek pendidikan di zon kanak-kanak dan penampilan khas, Didi & Friends," kata beliau.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : DALAM NEGERI

IJN kekal milik kerajaan

PETALING JAYA: Institut Jantung Negara (IJN) menafikan dakwaan bahawa pusat rawatan itu tidak menyediakan rawatan percuma dan meminta pesakit mendapatkan rawatan di tempat lain.

IJN berkata, institut itu masih kekal sebagai entiti korporat yang dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan dan ditaja Kementerian Kesihatan serta tetap komited untuk menyediakan rawatan berkualiti tinggi kepada semua pesakit.

"Pihak kami ingin memaklumkan bahawa mesej yang tersebar secara meluas melalui aplikasi WhatsApp, yang mendakwa bahawa IJN tidak lagi menyediakan rawatan percuma dan akan diswas-takan adalah tidak benar dan tidak berasas sama sekali.

"Dakwaan tersebut juga menyatakan bahawa pesakit diminta untuk memindahkan rawatan mereka ke hospital lain.

"Kami ingin menegaskan bahawa maklumat ini adalah palsu. Tiada sebarang taklimat atau pengumuman rasmi yang dibuat oleh IJN berkaitan perkara tersebut," katanya dalam kenyataan yang juga dikongsikan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad.

Tambah IJN, orang ramai dinasihatkan untuk tidak mempercayai mesej tersebut dan tidak menyebarkan lebih lanjut.

Sebarang pengumuman atau makluman rasmi banya akan disalurkan melalui saluran rasmi IJN seperti laman web rasmi, platform media sosial rasmi IJN dan komunikasi secara terus dengan pesakit.

"Sekiranya anda mempunyai sebarang kebimbangan atau memerlukan penjelasan lanjut, sila hubungi kami di 032617 8200 atau emel ke heart@ijn.com.my.

"Kami mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama dan keprihatinan anda dalam memerangi penyebaran maklumat palsu," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : DALAM NEGERI

Bekas pengawal keselamatan terima ganti rugi RM1.8 juta

Oleh SUWARNI MOKHTAR
utusannews@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Seorang bekas pengawal keselamatan menerima ganti rugi RM1.8 juta selepas Mahkamah Tinggi Taiping memutuskan lelaki itu mengalami kecederaan kekal pada otaknya ketika menjalani rawatan susulan kemalangan jalan raya, lapan tahun lalu.

Hakim Noor Ruwena Md. Nurdin memutuskan demikian selepas plaintiff, P. Thinnagaran, 28, berjaya membuktikan kesnya berdasarkan imbalan kebarangkalian.

"Ini merupakan kes tragik yang mana kecederaan kekal dan lain-lain (komplikasi) yang berlaku pada plaintiff boleh dielakkan sekiranya defendan menjalankan diagnosis, merawat dan mengawasi plaintiff dengan lebih teliti selepas dimasukkan ke Hospital Taiping selepas kemalangan jalan raya pada 2 Januari 2016.

"Selepas mendengar segala keterangan dalam perbicaraan penuh, mahkamah mendapati plaintiff telah berjaya membuktikan kesnya melalui imbalan kebarangkalian dan membenarkan sebahagian besar tuntutan," kata hakim terbahit dalam keputusan yang dibuat pada 4 Julai lalu. Penghakiman penuh kes itu dikeluarkan pada 24 Disember lalu.

Sekitar Oktober 2019, Thinnagaran memfailkan saman itu

“Mahkamah mendapati, tiga doktor yang merawat plaintiff gagal dalam memberikan rawatan dan diagnosis berhubung Sindrom Embolisme Lemak (FES) yang kemudiannya menyebabkan pengawal keselamatan itu diintubasi bagi menyelamatkan nyawanya.”

di Mahkamah Tinggi Taiping dengan menamakan kerajaan, Pengarah Hospital Taiping dan tiga doktor sebagai defendan atas kecuai perubatan.

Menurut penghakimannya, Hakim Noor Ruwena berkata kecederaan yang dialami plaintiff sewaktu berada di hospital jelas menunjukkan pelanggaran tanggungjawab penjagaan oleh defendan.

Selain itu, mahkamah men-

dapati, tiga doktor yang merawat plaintiff gagal dalam memberikan rawatan dan diagnosis berhubung Sindrom Embolisme Lemak (FES) yang kemudiannya menyebabkan pengawal keselamatan itu diintubasi bagi menyelamatkan nyawanya.

"Kecederaan yang dialami plaintiff adalah hasil daripada pelanggaran tanggungjawab oleh kesemua defendan yang turut mengakibatkan trauma pada mental. Kesihatan mentalnya terganggu ekoran terdapatnya kecacatan kognitif. Plaintiff merasa tertekan kerana tidak boleh menjadi seperti dirinya (sebelum kemalangan) dan perlu bergantung kepada orang lain dalam menguruskan diri.

"Plaintiff merupakan anak sulung daripada empat beradik dan tidak mempunyai pendidikan yang tinggi. Dia bekerja sebagai pengawal keselamatan dengan gaji RM800 sebulan dan disebabkan kecacatan yang dialaminya, dia tidak lagi boleh bekerja," kata hakim itu.

Thinnagaran cedera dalam kemalangan dengan sebuah kereta ketika menunggang motosikalnya di sepanjang Jalan Transkrian pada 1.05 tengah hari, 2 Januari 2016.

Dia dibawa ke Hospital Taiping yang mana langkah-langkah sewajarnya telah diambil bagi mencegah berlakunya Sindrom Embolisme Lemak (FES) akibat beberapa tulang panjang patah ekoran kemalangan itu.

FES ialah satu keadaan yang boleh mengancam nyawa yang mana zarah lemak kecil daripada tulang patah atau kecederaan masuk ke dalam aliran darah dan menyebabkan masalah pernafasan, kekeliruan dan bintik merah kecil pada kulit.

Plaintiff mendakwa keadaannya tidak dipantau antara 2 pagi dan 6.50 pagi (3 Januari 2016) walaupun berisiko tinggi FES yang kemudiannya berlaku pada pukul 7 pagi. Doktor memutuskan untuk menstabilkan keadaan Thinnagaran sebelum melakukan pembedahan pada pukul 8 malam, hari yang sama.

Imbasan pengimejan resonans magnetik (MRI) mendedahkan Thinnagaran mengalami kecederaan otak akibat kekurangan oksigen dan aliran darah selama 12 jam.

"Otak plaintiff telah mengalami kekurangan oksigen yang teruk iaitu lebih daripada 12 jam sementara kesemua defendan menunggu untuk menstabilkannya. Keputusan itu, malangnya, telah menyebabkan kecederaan kekal pada otak plaintiff menyebabkan plaintiff kini berada dalam keadaan separuh lumpuh," katanya.

Mahkamah memerintahkan agar jumlah ganti rugi itu dibayar kepada firma guaman yang mewakili plaintiff sebagai pemegang amanah. Kesemua defendan telah memfailkan rayuan berhubung keputusan itu pada 2 Ogos lalu.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 32
RUANGAN : DALAM NEGERI

Bayi sering sawan, bapa dakwa hospital cuai

KUALA TERENGGANU: Seorang bapa melahirkan rasa terkilan dengan mendakwa kecuai pengurusan sebuah hospital di sini menyebabkan bayinya terjatuh ketika baru berusia dua hari.

Muhammad Syarifuddin Manan, 24, mendakwa, insiden pada 17 November lalu itu menyebabkan bayinya yang kini berusia 41 hari sering mengalami sawan.

Dakwanya, bayi tersebut terjatuh dari katil bayi ketika ingin dipindahkan ke hospital lain untuk mendapatkan rawatan jaundis.

Katanya, bayi perempuannya dilahirkan normal dengan berat 3.3 kilogram namun setelah terjatuh, kesihatannya sering terganggu akibat kecederaan di bahagian kepala.

"Selepas insiden itu, bayi saya sudah beberapa kali dimasukkan ke hospital akibat sawan. Paling saya risaukan adalah risiko kesihatannya terganggu pada masa akan datang akibat terjatuh dalam usia terlalu muda (berusia dua hari).

"Saya membuat laporan polis untuk memastikan anak saya mendapat keadilan dan berharap insiden seumpama ini tidak berlaku kepada anak orang lain pula pada masa akan datang," katanya ketika ditemui pemberita di Ibu pejabat Polis Daerah Kuala Terengganu di sini semalam.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NATION

Ex-guard awarded RM1.8mil for medical negligence

KUALA LUMPUR: A former security guard has been awarded RM1.8mil in damages for medical negligence which left him with a brain injury during treatment nearly nine years ago.

Taiping High Court judge Justice Noor Ruwena Md Nurdin awarded the damages to P. Thinnagaran, 28, after ruling that he had proven his claims.

Thinnagaran was treated at Hospital Taiping after a collision with a car while riding his motorcycle along Jalan Transkrian at 1.05pm on Jan 2, 2016.

"This court awarded general, special, and aggravated damages, and the defendants were collectively ordered to pay the plaintiff a total amount of RM1.8mil including costs of RM150,000," she said in her judgment released on Dec 24, Bernama reported.

Thinnagaran filed the suit in 2019, and named the government, the Hospital Taiping director, and three doctors as defendants for medical negligence.

In her judgment, Justice Noor Ruwena said the permanent damage to Thinnagaran's brain could have been avoided if the defendants had properly diagnosed, treated and monitored him more closely after he was admitted to the hospital.

She added that the injuries sustained at the hospital were clearly the result of the defendants' breach of duty of care.

"The injuries suffered by the plaintiff as a result of the defendants' collective breach of duty of care also consisted of mental trauma. His mental health suffered in the sense that there was cognitive impairment.

"The plaintiff was stressed and not his usual self anymore after the whole episode and had to rely on others for his personal needs," she said.

The judge said Thinnagaran still required his mother's care as his primary caregiver.

The defendants have appealed against the decision.